

Asean perlukan dasar lebih tegas

Polisi sedia ada yang terlalu lembut gagal atasi masalah negara anggota

Oleh Jamhariah Jaafar
dan Wan Hazmir Bakar

ISU Myanmar terus menjadi agenda yang sukar dileraikan pada Mesyuarat Menteri-Menteri Asean Ke-39 yang sedang bersidang di Kuala Lumpur apabila beberapa negara anggota tidak bersetuju dengan cadangan supaya satu kenyataan lebih serius dikeluarkan kepada pemerintahan junta.

Sumber berkata, negara anggota masih belum membuat keputusan muktamad dengan kenyataan mengenai kedudukan Myanmar yang kelihatan enggan campur tangan dalam hal ehwal dalamannya.

"Beberapa negara seperti Laos dan Vietnam tidak setuju dengan pandangan Malaysia supaya satu kenyataan lebih keras dibuat dalam pernyataan bersama yang turut mengandungi kenyataan dua para mengenai sikap pemerintahan junta negara itu," kata sumber itu lagi.

Tapi jelas perasaan kecewa terhadap sikap degil Myanmar tidak dapat disembunyikan. Pernyataan yang akhirnya berjaya dikeluarkan sekadar berbunyi: "Kami melahirkan rasa bimbang terhadap tempoh waktu yang diambil untuk proses pemulihan (demokrasi) dan berharap dapat melihat proses lebih berkesan dapat membawa kepada perubahan kepada demokrasi pada masa depan. Kami sekali lagi mengulang desakan supaya mereka yang ditahan dibebaskan segera dan dialog lebih berkesan dengan semua pihak diteruskan."

Inilah semangat Asean yang memang terpuji. Walaupun ada yang marah kerana tidak menerima layanan sewajarnya ketika berusaha untuk meleraikan konflik, perkataan yang akhirnya digunakan bagi menegur negara anggota masih begitu lembut.

Sudah tiba masanya sikap lemah lembut itu diubah menjadi tegas dan berdisiplin kerana arus globalisasi yang melanda Asean adalah umpama tsunami. Kegagalan menangani sikap negara anggota seperti Myanmar akan menjadikan penyakit tidak puas hati negara anggota akan menular menjadi barah satu hari nanti.

Isu Myanmar adalah contoh terbaik mengapa beberapa polisi Asean yang ada sekarang perlu dikaji semula, sekiranya Persatuan ini ingin mengukuhkan kewibawaannya di gelanggang antarabangsa, tanpa memikul sebarang 'beban' yang dicetuskan oleh mana-mana negara anggota.

Dasar Asean yang digariskan pada Sidang Puncak Pertama di Bali pada 1976, yang mana negara anggota ketika itu menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama (TAC), menggariskan:

- Saling menghormati kebebasan, kedaulatan, hak persamaan, integriti persepadaanan dan identiti nasional seluruh negara anggota;
- Hak untuk setiap negara mengetuai kewujudan nasional bebas daripada campur tangan luar, desakan dan pengaruh;
- Tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman antara satu sama lain;
- Penyelesaian perbezaan pendapat atau pertelingkahan secara aman;
- Mengutuk sebarang ancaman atau penggunaan kekerasan; dan;
- Kerjasama berkesan di kalangan negara anggota.

Semua perjanjian ini memang wajar dihormati, namun setiap keputusan yang perlu diselesaikan melalui konsesus ada ka-

lanya memperlakan atau menyukarkan pergerakan Asean untuk melangkah lebih mantap.

Selain isu Myanmar yang dianggap menolak inisiatif Asean untuk membantu memulihkan proses demokrasi, sebaliknya lebih rela menyerahkan tugas itu kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hingga mencetus perasaan tidak puas hati di kalangan beberapa negara anggota.

Kerana itu rata-rata diplomat berpendapat, usaha ke arah membentuk Piagam Asean adalah antara langkah terbaik untuk mengkaji semula dasar dan perjanjian yang pernah dimeterai sebelum ini, dan mencari mekanisme pelaksanaan lebih baik bagi menguruskan Asean sebagai sebuah gagasan yang lebih disegani di pentas antarabangsa.

Pernyataan bersama yang dikeluarkan semalam turut menegaskan bahawa Kumpulan Tokoh Terkemuka (EPG) yang diberi tanggungjawab untuk mengemukakan cadangan bagi draf Piagam Asean turut diminta 'think out of the box' dan meninjau semua idea yang lantang, yang mampu untuk mengukuhkan kerjasama Asean dalam pada masih memiliki beberapa kelonggaran dan dilihat masih mencari mekanisme terbaik untuk menguruskan kerjasama yang semakin kompleks, pada usia 39 tahun Asean sebenarnya selepas mencapai usia matang.

Cabaran globalisasi turut ditangani dengan pantas dan mesyuarat kali ini yang turut menjadi pentas Asean + 3 dan Forum Serantau Asean (ARF) akan terus menyentuh mengenai pelbagai kerjasama.

Antara yang menarik dan turut disentuh dalam pernyataan bersama Menteri-Menteri Luar Asean semalam membabitkan jenayah transnasional usaha menangani penggan-

serta langkah menghadapi serangan siber dan penyalahgunaan ruang siber.

Sumber-sumber diplomat berkata, kerjasama ini adalah penting dan akan dikembangkan dan mesyuarat Menteri-Menteri Asean Mengenai Jenayah Transnasional akan diadakan di Brunei tahun depan.

Mesyuarat ARF yang akan dihadiri Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Condoleezza Rice, dijangka akan memberi tumpuan kepada semua isu jenayah ini dan satu kenyataan persaingan membabitkan langkah menangani kegiatan keganasan dijangka akan dikeluarkan di akhir mesyuarat.

"Selain jenayah transnasional serta keganasan, ARF akan menyentuh secara serius isu membabitkan langkah menangani serangan siber dan tindakan pengganasan menyalahgunakan ruang siber.

"Agenda utama ialah usaha untuk menumpukan perhatian kepada rakyat dalam menyusun langkah untuk menangani sebarang kegiatan keganasan. Kami sedang melakukan deraf untuk turut memasukkan jenayah siber ini dengan antara kemungkinan mewujudkan unit keselamatan bagi mengenalpasti jenayah siber, usaha untuk meningkatkan keselamatan siber serta rangkaian kerjasama siber yang lebih luas," kata diplomat terbabit.

ARF sudah pun mengadakan dua seminar mengenai keganasan siber, iaitu pertama di Pulau Jeju, Korea Selatan, pada November 2004 dan kedua di Cebu, Filipina pada Oktober tahun lalu.

Pada seminar tertutup di Cebu itu, diplomat, pakar keselamatan dan keganasan siber daripada 25 negara berbincang dan berkongsi maklumat serta idea berhubung dasar negara mengenai keganasan siber dan menggalakkan negara untuk terus bekerja sama bagi menangani ancaman itu.

Pada seminar itu juga, simulasi insiden membabitkan sektor perbankan dilakukan dan tindak balas daripada perspektif negara dan serantau diadakan. Difahamkan, selain cadangan mengenai anti-keganasan siber setiap negara peserta diminta merangka program untuk dikemukakan kepada menteri ARF supaya dapat diwujudkan jaringan perhubungan.

Agenda membabitkan keselamatan ini adalah selari dengan desakan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahu Persatuan ini memberi perhatian serius untuk mengukuhkan suasana aman, keselamatan dan kerjasama serantau, kerana ia sekali gus akan meningkatkan kredibiliti Asean.

"Ketika kepentingan Asean memang wajar untuk mengukuhkan keamanan, keselamatan dan kerjasama serantau, kita juga patut memainkan peranan untuk turut menyentuh isu penting antarabangsa dalam usaha untuk kita terus relevan.

"Keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara akan menentukan sama ada Asean berjaya atau gagal sebagai pertubuhan serantau," katanya ketika merasmikan A M M semalam.

Menyentuh mengenai perkara yang sama pernyataan A M M di kala mengutuk semua tindakan keganasan, turut menekankan perlunya semua pihak menangani punca keganasan.

Mesyuarat bersama rakan dialog dalam tempoh tiga hari akan datang sudah pasti tidak dapat lari dari melahirkan kekecewaan melihat tindakan keganasan yang berlaku di Asia Barat, di samping menyentuh mengenai pelbagai isu antarabangsa lain termasuk membabitkan Korea Utara, peperangan yang berlaku di Asia Barat iaitu Iraq, Palestin dan kini Lubnan.



SEMANGAT ASEAN: Sebahagian anggota yang menghadiri sidang Mesyuarat Menteri-Menteri Asean Ke-39 yang sedang bersidang di Kuala Lumpur, kelmarin.

Dasar Asean yang digariskan pada Sidang Puncak Pertama di Bali pada 1976

- Saling menghormati kebebasan, kedaulatan, hak persamaan, integriti persepadaanan dan identiti nasional seluruh negara anggota;
- Hak untuk setiap negara mengetuai kewujudan nasional bebas daripada campur tangan luar, desakan dan pengaruh;
- Tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman antara satu sama lain;
- Penyelesaian perbezaan pendapat atau pertelingkahan secara aman;
- Mengutuk sebarang ancaman atau penggunaan kekerasan; dan
- Kerjasama berkesan di kalangan negara anggota.